

# OSV: Malaysia-Singapura jalin kerjasama

**PETALING JAYA:** Malaysia dan Singapura bekerjasama untuk membina kapal bekalan luar pesisir (OSV) hijau pertama di negara ini.

Kerjasama itu antara tiga syarikat utama pembinaan dan pembaikan kapal (SBSR) tempatan dan sebuah syarikat hijau inovatif Singapura.

Syarikat terbabit ialah Grade One Marine Shipyard (GOMS) Sdn. Bhd., Muhibbah Marine Engineering (MME) Sdn. Bhd. dan Shin Yang Shipyard (SYS) Sdn. Bhd. serta syarikat Singapura, Evolution Concepts (EC) Pte Ltd. Persatuan Industri Marin Malaysia (AMIM) pula bertindak sebagai penyelarasa kerjasama berkenaan.

Melalui perjanjian itu, empat syarikat tersebut bekerjasama dan memanfaatkan kekuatan masing-masing untuk membina OSV hijau pertama di Malaysia; di mana syarikat Malaysia akan menyediakan kemudahan limbungan dan pembinaan kapal yang menyeluruh, manakala syarikat Singapura (EC) mereka



**MAJLIS menandatangani kerjasama antara syarikat Malaysia dan Singapura untuk membina kapal bekalan luar pesisir hijau pertama di negara ini.**

bentuk kapal berkenaan, menggabungkan teknologi hijau.

Projek itu menelan kos kira-kira AS\$25 juta (RM113 juta) dan dijangka mengambil masa sekitar 18 hingga 24 bulan untuk

disiapkan, bermula dari fasa reka bentuk hingga pembinaan.

Majlis menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) kerjasama itu diadakan di Kuala Lumpur semalam

dan disaksikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Industri), Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Datuk Seri Norazman Ayob.